BSB BERITA SABAH
PORTAL BEBAS,TELUS DAN PROGRESIF



# Memperkasa Fungsi Sumber Manusia Profesional di Universiti

Wartawan Berita Sabah (https://beritasabah.com/author/admin/) · July 26, 2023 · 3 min read



CATEGORIES
Select Category
Tweets from @_BeritaSabah
Nothing to see here - ye
When they Tweet, their Twee will show up here.
View on Twitter



Oleh: Ts. Mohd Rafizi Rahmad dan Dr. Jakaria Dasan

Universiti adalah menara gading yang mempersada ketinggian warga, khususnya para mahasiswa yang kelak menjadi kumpulan alumni yang berbakti kepada masyarakat. Dengan kata lain, universiti adalah gedung ilmu. Selain itu, fungsi dan peranan universiti sebagai rujukan penyelidikan dan agen pembangunan masyarakat turut menjadikan institusi ini sebagai bitara ilmu yang penting dalam pembangunan negeri dan negara. Universiti yang responsif kepada perkembangan semasa khususnya perubahan teknologi berupaya menarik minat pelajar dan ahli akademik terkemuka dari luar negara untuk sama-sama menyertai universiti tersebut. Secara langsung hal ini akan memugarkan lagi kecemerlangan yang terbit dari menara gading ini.

Umum tahu pengurusan sumber manusia menjadi suatu bidang pengurusan yang sering menarik perhatian ramai sama ada di sektor awam atau swasta. Pengurusan sumber manusia menjadi suatu bidang yang menarik perhatian ramai kerana kontroversi dalam pengurusan melibatkan karenah manusia yang pelbagai. Namun begitu kecanggihan teknologi dan perkembangan evolusi pengurusan sumber manusia mampu melahirkan pengamal sumber manusia yang profesional.

Menyedari peri-pentingnya peranan sumber manusia itu, mungkin sudah tiba masanya untuk iai diangkat secara total dengan cara memposisikan semula kedudukan pengurusan sumber manusia di kaca mata umum. Kendatipun, alangkah baiknya jika semua pihak termasuk kepimpinan universiti meletakkan semula kedudukan sumber manusia itu di tingkat teratas sekali. Dalam hubungan ini, elok benarla jika tujuan keberadaan manusia di muka bumi ini dapat disorot kembali.

Bagi orang Islam, dua jenis hubungan yang perlu dipelihara ialah hubungan ubudiyyah iaitu hubungan dengan Allah (*hablum minallah*) dan hubungan sesama manusia, (*hablum minnas*). Pengamal sumber manusia di universiti harus sedar bahawa menguruskan sebuah universiti tidak sama dengan menguruskan sesebuah organisasi lain. Seorang pengamal sumber manusia harus menjadi pengurus sumber manusia profesional dalam erti kata sebenar dan bukan 'menguruskan pentadbiran' semata-mata. Usaha memperkasakan fungsi pengurusan sumber manusia harus bermula dari proses perancangan sumber manusia berdasarkan kepada hala tuju universiti tersebut. Perancangan strategik universiti dan aspirasi negara perlu dijadikan asas dalam merancang sumber manusia universiti supaya mendapat calon bakat yang terbaik dalam membawa agenda pendidikan tinggi negara ke peringkat dunia.

Itu hanya akan berlaku sekiranya proses pengambilan dan pemilihan dilaksanakan berasaskan kompetensi. Calon bakat harus melalui proses saringan dan pemilihan yang mampu mengukur pengetahuan, kemahiran dan sikap untuk bekerja. Kelulusan akademik cemerlang semata-mata tidak boleh menjadi sandaran bahawa calon bakat tersebut akan menjadi tenaga kerja yang efisien sekiranya kemahiran dan sikap tidak menepati keperluan universiti. Proses pembangunan sumber manusia melalui program latihan berkualiti dan berasaskan kompetensi harus menjadi pilihan warga pentadbir universiti. Program latihan harus dirangka bagi merapatkan kesenjangan kompetensi yang wujud di kalangan warga kerja. Tidak sesuai lagi melaksanakan program-program latihan sekadar untuk mencukupkan jam latihan. Program latihan yang dilaksanakan juga harus dinilai keberkesanan dan impak kepada organisasi melalui kaedah-kaedah yang objektif dan telus. Ini penting bagi memastikan bajet latihan universiti dibelanjakan mengikut keperluan sebenar latihan dan pembangunan staf.

Proses penilaian kepada prosedur kerja dan pengoperasian sedia ada juga harus melihat kepada aspek amalan terbaik dan berasaskan bukti. Ini penting bagi memastikan pengoperasian universiti dan sumber manusia universiti digunakan sepenuhnya untuk memperkasakan universiti. Pemerkasaan urusan sumber manusia juga tidak lengkap sekiranya aspek kebajikan dan kesihatan warga kerja tidak diberi perhatian. Pengurus sumber manusia profesional perlu mahir dalam punca kuasa dan rujukan termasuk dalam urusan melibatkan perundangan. Ini sekali gus menjadikan universiti sebagai tempat kerja yang selamat dan bebas dari sebarang ancaman yang boleh mengganggu fokus terhadap pengurusan dan perjalanan universiti secara keseluruhan.



Banyak masalah sumber manusia dalam organisasi berlaku kerana ketidakcekapan pengurusan dan pegawai sumber manusia yang kurang mahir dalam memberi khidmat nasihat atau membuat keputusan berasaskan empati dengan mengambil kira fungsi mereka sebagai pengamal sumber



Kami sangat mengalu-alukan sumbangan berita daripada orang ramai. Tidak kira daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan, Parti Politik, badan-badan agama, dan sebagainya. Segala berita boleh di email ke: **beritasabah22@gmail.com**
(https://www.youtube.com/channel/UC3z-Ld5Fol4dV1s5zbj-vzDQ)

manusia profesional. Kompetensi seorang pegawai sumber manusia universiti profesional harus diperkasakan melalui program pertukaran pegawai, pensijilan profesional dan penempatan di agensi awam atau swasta yang mempunyai amalan pengurusan sumber manusia berprestasi tinggi.

Universiti mampu mengorak langkah mendahului sektor awam atau swasta dalam mempamerkan kecekapan dan profesionalisme sebenar dalam urusan pengurusan dan pembangunan sumber manusia. Bertitik tolak dari kepimpinan yang berkarisma dan mahukan universiti menjadi rujukan industri, wargakerja harus bersama mengorak langkah dan sederap dalam merealisasikan hasrat untuk meneruskan tradisi kecemerlangan universiti sebagai sebuah pusat rujukan masyarakat.

***Ts. Mohd Rafizi Rahmad merupakan Timbalan Pendaftar Kanan Institut Kepimpinan & Pembangunan (ILD) UiTM dan Naib Presiden 1, Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia (MIHRM)***

***Dr. Jakaria Dasan merupakan Pengarah Pusat Komunikasi Korporat Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Doktor Falsafah dalam Pengurusan Sumber Manusia***

(/#facebook) (/#twitter) (/#whatsapp) (/#google_bookmarks) (/#wechat) (/#sms) (https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fberitasabah. sumber-manusia-profesional-di-universiti%2F&title=Memperkasa%20Fungsi%20Sumber%20Manusia%2(

Previous
**FPSK UMS: 20 Tahun Mengasimilasi Pendidikan Perubatan dan Sains Kesihatan kepada Komuniti** (https://beritasabah.com/fpsk-ums-20-tahun-mengasimilasi-pendidikan-perubatan-dan-sains-kesihatan-kepada-komuniti/)

Next
**UMS Terus Ke Hadapan Membina Kecemerlangan Ilmu** (https://beritasabah.com/ums-terus-ke-hadapan-membina-kecemerlangan-ilmu/)

## Leave a Reply

Your email address will not be published. Required fields are marked *

Comment *

Name *

Email *

Website

☐ Save my name, email, and website in this browser for the next time I comment.

SEMASA (HTTPS://BERITASABAH.COM/CATEGORY/SEMASA/)

Post Comment

POLITIK (HTTPS://BERITASABAH.COM/CATEGORY/SEMASA/POLITIK/)

WATCH ONLINE (https://www.youtube.com/channel/UC3z-fJ5FobdV1s5zbjvVzDQ)

## MORE STORIES

KES (HTTPS://BERITASABAH.COM/CATEGORY/KES/)

SUKAN (HTTPS://BERITASABAH.COM/CATEGORY/SEMASA/SUKAN/)

PENDIDIKAN (HTTPS://BERITASABAH.COM/CATEGORY/SEMASA/PENDIDIKAN/)

HIBURAN (HTTPS://BERITASABAH.COM/CATEGORY/HIBURAN/)


(https://beritasabah.com/ums-terus-ke-hadapan-membina-kecemerlangan-ilmu/)

**UMS Terus Ke Hadapan Membina Kecemerlangan Ilmu (https://beritasabah.com/ums-terus-ke-hadapan-membina-kecemerlangan-ilmu/)**

September 19, 2023
Wartawan Berita Sabah (https://beritasabah.com/author/admin/)


(https://beritasabah.com/fpsk-ums-20-tahun-mengasimilasi-pendidikan-perubatan-dan-sains-kesihatan-kepada-komuniti/)

**FPSK UMS: 20 Tahun Mengasimilasi Pendidikan Perubatan dan Sains Kesihatan kepada Komuniti (https://beritasabah.com/fpsk-ums-20-tahun-mengasimilasi-pendidikan-perubatan-dan-sains-kesihatan-kepada-k**


(https://beritasabah.com/projek-pemindahan-ilmu-dari-universiti-kepada-komuniti-mampu-basmi-kemiskinan/)

**Projek Pemindahan Ilmu Dari Universiti Kepada Komuniti Mampu Basmi Kemiskinan (https://beritasabah.com/projek-pemindahan-ilmu-dari-universiti-kepada-komuniti-mampu-basmi-kemiskinan/)**

## YOU MAY HAVE MISSED


(https://beritasabah.com/tak-perlu-pinda-perlembagaan-halang-bukan-melayu-jadi-pm-kata-anwar/)

**Tak perlu pinda Perlembagaan halang bukan Melayu jadi PM, kata Anwar (https://beritasabah.com/tak-perlu-pinda-perlembagaan-halang-bukan-melayu-jadi-pm-kata-anwar/)**

December 15, 2023
(https://beritasabah.com/author/fmt/)


(https://beritasabah.com/amaran-hujan-berterusan-di-pantai-timur-johor-sabah-bermula-hari-ini/)

**Amaran hujan berterusan di pantai timur, Johor, Sabah bermula hari ini (https://beritasabah.com/amaran-hujan-berterusan-di-pantai-timur-johor-sabah-bermula-hari-ini/)**

December 15, 2023
Wartawan Berita Sabah (https://beritasabah.com/author/beritasabah22/)


(https://beritasabah.com/covid-19-kes-baharu-cecah-paras-tertinggi-tahunan-kj-dan-kian-ming-saran-lima-langkah/)

**COVID-19: Kes baharu cecah paras tertinggi tahunan, KJ dan Kian Ming saran lima langkah (https://beritasabah.com/covid-19-kes-baharu-cecah-paras-tertinggi-tahunan-kj-dan-kian-ming-saran-lima-langkah/)**

December 15, 2023
Wartawan Berita Sabah (https://beritasabah.com/author/salbinous-saribun/)


(https://beritasabah.com/uk-pertimbang-haramkan-media-sosial-untuk-pengguna-bawah-16-tahun/)

**UK pertimbang haramkan media sosial untuk pengguna bawah 16 tahun (https://beritasabah.com/uk-pertimbang-haramkan-media-sosial-untuk-pengguna-bawah-16-tahun/)**

December 15, 2023
Wartawan Berita Sabah (https://beritasabah.com/author/salbinous-saribun/)

(https://www.liteforex.com/?uid=248579360&cid=217)

Copyright © All rights reserved. | EnterNews (https://afthemes.com/products/enternews) by AF themes.